

Harian
Metro
20/7/2019

Atasi masalah ketidakseimbangan gender dalam bidang pendidikan

Kuantan: Masalah ketidakseimbangan gender dalam bidang pendidikan sehingga mewujudkan jurang pendapatan antara suami isteri boleh menjejaskan keharmonian rumah tangga masyarakat Islam.

Yang dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan berkata, hari ini semakin ramai isteri bergaji lebih besar berbanding suami.

“Nampak seperti tidak ada apa-apa implikasi, tetapi sebenarnya ia memberi kesan kepada sosioekonomi dan keharmonian rumah tangga masyarakat Islam.

“Sebab itu isu ini perlu dikaji, dikupas dan dibincangkan secara serius oleh



WAN Abdul Wahid (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada pembentang kertas kerja pada Majlis Perasmian Seminar Pendidikan Negeri Pahang 2019 di KUIPSAS.

pelbagai lapisan masyarakat kerana jika ia tidak ditangani dengan baik boleh memberi implikasi kepada keharmonian rumah tangga,” katanya pada Majlis Perasmian Seminar Pendidikan Negeri Pahang 2019 bertajuk Isu-Isu Gender Dalam Pen-

didikan di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Rektor KUIPSAS, Prof Madya Dr Mohd Zawawi Zainal Abidin.

Wan Abdul Wahid berkata, ketidakseimbangan gen-

der dalam pendidikan juga mula memberi kesan kepada sektor pekerjaan.

“Pekerja wanita sudah mula menceburi diri dalam kerjaya yang sebelum ini didominasi lelaki termasuk pasukan keselamatan.

“Di institusi pendidikan pada hari ini juga baik di peringkat sekolah dan institut pengajian tinggi berlakunya dengan ketara masalah ketidakseimbangan gender ini. Wanita lebih mendominasi kemasukan ke institusi pendidikan,” katanya.

Beliau berharap seminar ini mampu membuka mata dan menyumbang idea semua pihak dalam mendapatkan solusi terbaik dalam menangani isu gender dalam dunia pendidikan.